

## BAB V

### RUMUSAN, IMPLIKASI DAN CADANGAN KAJIAN

Bahagian ini menghuraikan rumusan dapatan kajian yang telah diperolehi daripada Bab IV. Rumusan akan dibuat berdasarkan kategori dan aspek yang telah dibentuk berdasarkan soalan kajian. Pengkaji juga akan membincangkan implikasi yang berhubung dengan polisi, norma dan panduan, serta cadangan daripada dapatan kajian. Beberapa cadangan kajian lanjutan yang berkaitan juga dimasukkan.

#### A. Rumusan Kajian

Kajian ini memaparkan beberapa rumusan penting berhubung dengan aplikasi teori pelbagai kecerdasan dalam Sekolah Bestari Malaysia berdasarkan dokumen rasmi Kementerian Pendidikan Malaysia. Dua dokumen rasmi yang relevan dikenali sebagai Dokumen 1, iaitu : Aplikasi Perdana Sekolah Bestari – Satu Pelan Induk Konseptual Sekolah Bestari Malaysia, dan Dokumen 2, iaitu : Pentaksiran Bestari – Satu Pengenalan. Berikut ialah urutan rumusan kajian.

#### 1. Teori Pelbagai Kecerdasan dalam dokumen Sekolah Bestari Malaysia

##### (a) Definisi Pelbagai Kecerdasan

Tiada kenyataan definisi umum dan khusus tentang teori pelbagai kecerdasan dalam dokumen Sekolah Bestari Malaysia.

**(b) Penggunaan Istilah Pelbagai Kecerdasan**

Terdapat kenyataan penggunaan istilah pelbagai kecerdasan tentang teori pelbagai kecerdasan, iaitu istilah pelbagai kecerdasan itu sendiri, istilah kecerdasan-kecerdasan berbeza, istilah semua jenis kecerdasan manusia, dan istilah gaya pembelajaran.

Penggunaan istilah-istilah di atas dalam cakupan konteks visi kurikulum, matlamat, pedagogi, pendemokrasian pendidikan, pelbagai strategi, pentaksiran dan nilai berserta dengan makna yang membawa implikasi aktiviti-aktiviti pengajaran dan pembelajaran telah mengiktiraf teori pelbagai kecerdasan sebagai pencetus potensi manusia dalam Sekolah Bestari Malaysia.

**2. Struktur Kurikulum Berasaskan Teori Pelbagai Kecerdasan Dalam Dokumen Bestari Malaysia****(a) Penekanan Pengajaran dan Pembelajaran**

Secara umum,uraian dokumen Sekolah Bestari Malaysia yang menyokong aspek penekanan pengajaran dan pembelajaran berdasarkan teori pelbagai kecerdasan melibatkan tafsiran makro dan mikro dalam konteks intipati berikut, iaitu :

- Perincian aplikasi perdana koridor raya multimedia;
- Perincian tujuan projek Sekolah Bestari;
- Perincian landasan Sekolah Bestari;
- Perincian gambaran Sekolah Bestari;

- Perincian tunjang Sekolah Bestari;
- Perincian pengiktirafan potensi dalam Sekolah Bestari; dan
- Perincian tunjang pengajaran dan pembelajaran Sekolah Bestari.

Perincian-perincian di atas memartabatkan aspek budaya berdaya fikir yang memberi ruang asas yang tekal kepada teori pelbagai kecerdasan dalam perspektif perubahan sistemik. Ia dianggap sebagai faktor kritikal dalam menentukan jaya atau gagalnya pelaksanaan projek Sekolah Bestari Malaysia. Perubahan sistemik juga menjadi nadi saranan dalam matlamat Sekolah Bestari, dan amalan Sekolah Bestari.

Secara khusus, set persekitaran pengajaran dan pembelajaran yang merupakan komponen penting Sekolah Bestari Malaysia telah menyediakan ruang yang luas dalam mengaplikasikan teori pelbagai kecerdasan, dari segi area kurikulum, pedagogi, pentaksiran dan bahan. Perspektif berkaitan menjurus kepada :

- Pelajar dalam konteks perkembangan menyeluruh dan seimbang;
- Pelajar dalam konteks penguasaan kecekapan asas;
- Pelajar dalam konteks maklum balas tentang kesediaan, kemajuan, pencapaian, dan aptitud; dan
- Pelajar dalam konteks cabaran kognitif, dan rangsangan gabungan bahan, guru, rangkaian dan perkakasan kursus terbaik.

Penekanan pendekatan pengajaran dan pembelajaran bertunjangkan perincian akses kendiri, kadar kendiri, dan terarah kendiri. Tunjang-tunjang ini mengambil kira aspek fikriah atau 'thoughtful' melalui pembinaan dan peningkatan minda, aspek pemasatan pelajar, aspek tahap keupayaan individu, berkesinambungan dan reflektif dengan set persekitaran area kurikulum yang fleksibel dan terbuka.

### **(b) Gaya Pembelajaran**

Gaya pembelajaran mendapat tempat yang istimewa dan banyak ditonjolkan dalam dokumen rasmi Sekolah Bestari dalam konteks berikut, iaitu :

- Strategi bersepada di bawah pendemokrasian pendidikan yang menuntut komitmen dan tanggungjawab semua pihak khususnya pelajar, ibu bapa dan komuniti sejagat.
- Orientasi tunjang pengajaran dan pembelajaran akses kendiri, kadar kendiri dan terarah kendiri.

Kesesuaian gaya pembelajaran selalu dikaitkan dengan tahap keupayaan, kebolehan dan keperluan pelajar dengan tujuan mempertingkatkan prestasi pelajar, khususnya area pedagogi.

Huraian gaya pembelajaran telah dikelirukan dengan gaya kognitif. Gaya pembelajaran perlu dilihat dalam perspektif yang luas seperti kajian Semple tentang gaya pembelajaran agar pegangan berdasarkan teori gardner tidak

kelihatan rigid. Gejala ini juga mencetekkan penanda, petunjuk dan inventori gaya pembelajaran yang mempunyai manfaat yang besar dalam pengajaran dan pembelajaran Sekolah Bestari.

**3. Aplikasi pengajaran dan pembelajaran berdasarkan teori pelbagai kecerdasan.**

**(a) Bentuk Aplikasi Pengajaran dan Pembelajaran**

Panduan aplikasi dipaparkan dalam bentuk tafsiran generik dengan kerangka yang disepadankan dengan saranan pedagogi. Mekanisme kawalan kesepadan pelbagai aspek pengajaran dan pembelajaran ditekankan dalam konteks berikut, iaitu :

- Perincian berpusatkan pelajar;
- Perincian kaedah pengajaran inovatif;
- Perincian adunan strategi pembelajaran yang sesuai;
- Perincian kesepadan persekitaran bilik darjah dengan strategi pembelajaran;
- Perincian penggabungan kemahiran berfikir tahap tinggi dan nilai dalam bilik darjah;
- Perincian memelihara keghairahan pelajar untuk pembelajaran sepanjang hayat; dan
- Perincian keperluan mengurus pelbagai kemahiran, kebolehan, dan tahap keghairahan dalam setiap kumpulan pelajar.

Pengaplikasian mementingkan adunan strategi pembelajaran yang menggalakkan aktiviti pembelajaran dengan cara menampung perbezaan individu dari segi gaya pembelajaran untuk merangsang prestasi, dan menyediakan suasana bilik darjah yang serasi dengan strategi pengajaran dan pembelajaran yang berlainan.

Pengaplikasian mengambil kira pengalaman pembelajaran pelajar berpandukan matlamat pembelajaran yang spesifik. Pengalaman-pengalaman ini diserasikan mengikut perincian proses, mod dan tugas. Proses melibatkan segala bentuk pembelajaran. Mod melibatkan segala bentuk interaksi. Tugasan melibatkan segala bentuk persekitaran, cabaran, disiplin, kemahiran, prestasi dan tanggungjawab dalam konteks dunia sebenar.

#### **(b) Syarat Aplikasi Pengajaran dan Pembelajaran**

Berpandukan syarat yang dikemukakan oleh Ellen Weber berhubung dengan empat perubahan asas yang diperlukan dalam mengaplikasikan teori pelbagai kecerdasan di sekolah, didapati bahawa :

- Syarat Perubahan Pertama**

Paparan dalam dokumen Sekolah Bestari telah memperlihatkan usaha memartabatkan teori pelbagai kecerdasan walaupun tiada definisi tentangnya. Kebanyakannya dalam bentuk tersirat dan generik atau umum. Untuk meminda cara kita melihat kurikulum berdasarkan teori pelbagai kecerdasan, dokumen

Sekolah Bestari perlu mencerminkan kefahaman yang mendalam khususnya kenyataan, huraian dan panduan yang menggambarkan kemantapan implikasi polisi Kementerian Pendidikan Malaysia.

- **Syarat Perubahan Kedua**

Sekolah Bestari Malaysia telah menyediakan set persekitaran yang baik dan tunjang pengajaran dan pembelajaran yang relevan iaitu akses kendiri, kadar kendiri dan terarah kendiri. Kefleksibelan ini menjurus kepada gaya pembelajaran yang mengikut Semple perlu dijelaskan dalam perspektif yang luas agar tidak terkeliru dengan gaya kognitif. Kekeliruan pegangan memungkinkan kedengkelan penanda atau petunjuk gaya pembelajaran yang boleh dimanfaatkan dalam Sekolah Bestari Malaysia.

- **Syarat Perubahan Ketiga**

Struktur pentaksiran akan dijalankan dalam pelbagai bentuk, iaitu bilik darjah, berdasarkan sekolah dan terpusat dengan tujuan melihat kekuatan, kebolehan dan pengetahuan yang berlainan. Konsep pelbagai kecerdasan digambarkan tertumpu di peringkat pusat secara langsung, peringkat berdasarkan sekolah secara tidak langsung. Namun, dari segi praktikal, teori ini boleh dicerminkan sebagai merentas semua peringkat. Sistem pentaksiran juga digambarkan dalam projek Sekolah Bestari sebagai selari dengan faktor kritikal iaitu perubahan sistemik dalam budaya sekolah yang perlu ditangani sebaik mungkin. Kejayaan dan kegagalan adalah bergantung kepada perubahan budaya daripada mementingkan kertas dan pensel kepada budaya berdaya fikir

dan kreatif. Justeru, pelbagai pendekatan dan instrumen disyaratkan bagi menjalankan penilaian yang autentik, alternatif dan berprestasi.

- **Syarat Perubahan Keempat**

Pengekplorasiyan pelbagai konfigurasi kebolehan boleh didemonstrasikan oleh pelajar melalui tunjang pengajaran dan pembelajaran iaitu akses kendiri, kadar kendiri dan terarah kendiri. Enjakan atau perubahan paradigma seperti yang dikemukakan oleh Renate Nummela Caine dan Geoffrey Caine terdapat dalam kerangka unit pengajaran dan pembelajaran yang menyepadankan saranan pedagogi dalam bentuk (a) Berpusatkan Pelajar, (b) Kaedah Pengajaran Inovatif, (c) Adunan Strategi Pembelajaran yang Sesuai, (d) Kesepadan Persekutuan Bilik Darjah dengan Strategi Pembelajaran, (e) Penggabungan Kemahiran Berfikir Tahap Tinggi dan Nilai dalam Bilik Darjah, (f) Memelihara Keghairahan pelajar Untuk Pembelajaran Sepanjang Hayat, dan (g) Keperluan Mengurus Pelbagai Kemahiran, Kebolehan, dan Tahap Keghairahan dalam Setiap Kumpulan Pelajar. Perincian syor ini menunjukkan bahawa apa yang didokumenkan dalam perspektif ini dikira memenuhi syarat ke empat untuk mengaplikasikan teori pelbagai kecerdasan dalam Sekolah Bestari Malaysia.

## B. Implikasi Dan Cadangan

Dalam bahagian ini, pengkaji akan merumuskan beberapa implikasi hasil daripada dapatan kajian tentang aplikasi teori pelbagai kecerdasan dalam Sekolah Bestari berdasarkan analisis kandungan dalam dokumen-dokumen

Sekolah Bestari, Kementerian Pendidikan Malaysia. Huraian implikasi diikuti dengan cadangan untuk pemerhatian kepada mana-mana pihak yang memerlukannya.

Kajian ini menghurai bentuk kategori dan aspek kandungan dokumen yang membawa beberapa implikasi tertentu :

### **1. Pengembangan Definisi Konsep**

Teori pelbagai kecerdasan berkembang pesat dalam pelbagai dimensi pendidikan dan merentas mata pelajaran. Ketiadaan definisi pegangan dan hanya bersandarkan penggunaan istilah dalam konteks dan makna berbentuk generik atau umum belum cukup menjamin pengembangan penggunaannya dalam Sekolah Bestari Malaysia. Penggunaan dalam konteks tertentu membawa implikasi lain yang bukan menyumbang kepada pengembangan menyeluruh, sebaliknya menghadkan pengaplikasiannya yang telah teruji ciri merentasnya seperti dalam projek ‘SUMIT-School Using Multiple Intelligences Theory’. Melihat dari segi pengiktirafan potensi, penjelmaan bentuk umum sudah tidak sesuai bagi menggambarkan keekslusifan intelek di abad akan datang.

Dicadangkan perlu ada kenyataan definisi teori pelbagai kecerdasan, setidak-tidaknya dalam bentuk lampiran bagi menggambarkan pegangan mantap dan pengembangan relevan tentang konsep pelbagai kecerdasan di Sekolah Bestari Malaysia.

## 2. Penstruktur Kurikulum

Spesifikasi pengajaran dan pembelajaran dalam Sekolah Bestari berpandukan perincian aplikasi perdana koridor raya multimedia; matlamat dan tujuan Sekolah Bestari; landasan, gambaran dan tunjang Sekolah Bestari; serta tunjang pengajaran dan pembelajaran Sekolah Bestari. Segala bentuk spesifikasi ini merupakan ruang asas yang menggalakkan aplikasi teori pelbagai kecerdasan mengikut polisi, norma dan panduan yang berbentuk makro dan mikro. Ruang asas ini dilengkapi pula dengan set persekitaran pengajaran dan pembelajaran, iaitu komponen penting Sekolah Bestari, iaitu area kurikulum, pedagogi, pentaksiran dan bahan yang merupakan ruang rangkaian yang boleh menyemarakkan pengaplikasian teori berkaitan. Dengan ruang asas dan ruang rangkaian, usaha pemantapan dan pemartabatan terletak kepada tunjang pengajaran dan pembelajaran, iaitu akses kendiri, kadar kendiri dan terarah kendiri yang juga merupakan tunjang kepada perubahan sistemik yang telah diiktiraf sebagai faktor kritikal dalam memastikan jaya atau gagalnya projek Sekolah Bestari.

Gaya pembelajaran juga tergolong dalam tunjang yang menuntut perubahan sistemik kerana bentuk aplikasinya selari dengan tunjang pengajaran dan pembelajaran berkaitan, iaitu membawa maksud bahawa pelajar dikehendaki maju mengikut kadar belajar mereka sendiri pada kadar kemampuan mereka sendiri dengan kebebasan belajar dalam pelbagai cara. Sehubungan itu, gaya pembelajaran kajian Semple meluaskan perspektif gaya

pembelajaran dengan pelbagai penanda dan petunjuk yang boleh dimanfaatkan dalam Sekolah Bestari Malaysia.

Dicadangkan implikasi penstrukturran kurikulum mempertimbangkan usaha di peringkat ruang asas, ruang rangkaian dan peringkat menunjangkan aplikasi teori pelbagai kecerdasan sebagai faktor kritikal yang memerlukan perubahan sitemik dalam memantapkan dan memartabatkan teori pelbagai kecerdasan dalam Sekolah Bestari. Gaya pembelajaran juga tidak boleh dilihat dan terkeliru sebagai gaya kognitif tetapi boleh mengambil kira gaya kognitif sebagai sebahagian daripada elemen gaya pembelajaran dalam konteks teori pelbagai kecerdasan. Pegangan ini penting dalam menyakinkan bahawa formula pedagogi berasaskan teori Gardner tidak rigid.

### **3. Bentuk Aplikasi Pengajaran dan Pembelajaran**

Aplikasi boleh berbentuk generik atau khusus tertakluk kepada tujuan dan dimensi penggunaannya. Apa yang penting ialah mekanisme kawalan tentang kesepadan yang melibatkan perincian pelbagai aspek pengajaran dan pembelajaran seperti kemungkinan input, proses dan hasilan. Mekanisme ini juga mementingkan pengawalan pelajar mengambil kira meningkatnya faktor umur dan kematangan pelajar. Bentuk generik dan khusus boleh saling dimanfaatkan dalam membentuk aplikasi yang lebih mendalam serta mempunyai tujuan spesifik bagi mendapatkan kesan semaksimum mungkin. Semua bentuk aplikasi memerlukan gabungan dan adunan pelbagai ciri, kaedah, perkembangan,

kesepadanannya persekitaran, kemahiran berfikir tahap tinggi, nilai, pelbagai kemahiran, kebolehan dan tahap pelajar. Aplikasi berasaskan teori pelbagai kecerdasan ini boleh disalurkan melalui keupayaan murid membuat sesuatu seperti menghubung kait; mengisi, memberi dan mentafsir; menghadiri, memperolehi, mewakili dan mengingat semula; membentuk, membentuk semula dan menyusun; bertindak dengan pengalaman; koleksi kemahiran atau operasi mental; cara; hasilan; dan proses.

Dicadangkan semua bentuk aplikasi mengambil kira kesepadanannya adunan strategi dan pengalaman pembelajaran sesuai dengan proses, mod dan tugas yang diharatkannya dan selari dengan tunjang pengajaran dan pembelajaran Sekolah Bestari.

#### **4. Syarat Aplikasi Pengajaran dan Pembelajaran**

Berdasarkan empat syarat bagi mengaplikasikan teori pelbagai kecerdasan dalam Sekolah Bestari Malaysia di dapatkan bahawa wujud kekuatan dan kelemahan. Syarat pertama menunjukkan ada usaha memartabatkan konsep pelbagai kecerdasan dengan cakupan umum atau generik beserta dengan kerangka kurikulum secara tersirat. Syarat kedua menunjukkan bahawa wujud set persekitaran yang baik dengan tunjang pengajaran dan pembelajaran yang relevan. Gaya pembelajaran terkelompok dalam syarat ini yang telah disalah anggap atau dikelirukan sebagai gaya kognitif. Syarat ketiga dikira telah memenuhi sistem pentaksiran yang lues atau fleksibel tetapi agak terbatas di

peringkat pusat. Syarat terakhir pula menunjukkan wujud ciri enjakan atau perubahan paradigma dan perubahan sistemik yang tergolong dalam faktor kritikal

Dicadangkan kelemahan-kelemahan di atas perlu ditangani bagi menyempurnakan syarat bagi mengaplikasikan teori pelbagai kecerdasan dalam Sekolah Bestari Malaysia. Cadangan syarat pertama ialah perlunya kenyataan, huraian, dan panduan yang melibatkan polisi digambarkan secara khusus dan tersurat. Cadangan syarat kedua ialah mengambil kira pegangan Semple bagi mengatasi kedengkelan penanda atau petunjuk gaya pembelajaran kerana kekeliruan tanggapan antara gaya pembelajaran dan gaya kognitif. Cadangan syarat ketiga ialah meluaskan cakupan pentaksiran berdasarkan teori pelbagai kecerdasan yang digambarkan terhad kepada pentaksiran pusat secara langsung. Cadangan syarat terakhir ialah memperbanyakkan contoh-contoh operasi di bilik darjah bagi memandu dan memastikan perubahan sistemik berlaku dalam Sekolah Bestari Malaysia.

### C. Kesimpulan

Aplikasi teori pelbagai kecerdasan dalam Sekolah Bestari Malaysia melibatkan pengenalpastian, pendokumentasian, dan promosian pelaksanaan yang berkesan. Aplikasi seperti ini bagi sesetengah pendidik, ibu bapa serta komuniti sejagat cuba mengaitkannya dengan pencapaian, skor ujian, kualiti kerja pelajar, kedatangan, perlakuan, dan penglibatan ibu bapa. Kumpulan

Projek Sekolah Bestari telah mendokumenkan hasrat di peringkat makro dan kriteria atau petunjuk prestasi di peringkat mikro bagi merealisasikan Sekolah Bestari acuan Malaysia.

Semua peringkat pendidik terlibat kerana polisi, norma dan panduan yang dicerminkan seboleh mungkin mewakili kefahaman yang mendalam khususnya tentang aplikasi teori pelbagai kecerdasan. Dalam hal ini dokumen Sekolah Bestari, Kementerian Pendidikan Malaysia telah menggambarkan kefahaman dalam bentuk kenyataan, huraian dan panduan yang mengandungi kekuatan dan kelemahan dari segi implikasi tertentu.

Contoh sekolah yang telah menggunakan teori pelbagai kecerdasan di negara lain menetapkan kriteria kesediaan pelajar, kolaborasi guru, peranan seni dalam kehidupan sekolah, pemilihan bermakna oleh pelajar dalam kurikulum dan pentaksiran, penggunaan pelbagai kecerdasan sebagai cara bukan hasil, dan penggunaan pelbagai kecerdasan oleh guru untuk mempertingkatkan kerja pelajar agar berkualiti tinggi. Akan tetapi, dokumen Sekolah Bestari Malaysia masih melebarkan jurang dengan implikasi polisi yang perlu ditangani.

Sekolah Bestari memerlukan pegangan dan pengembangan dengan tuju hala yang mantap. Kefahaman yang mendalam diperlukan bagi menjelaskan konsep pelbagai kecerdasan, susurgalur penstrukturannya yang melibatkan penekanan, pemantapan, dan pemartabatan yang dikenal sebagai tunjang kepada perubahan sistemik. Justeru ia menjurus kepada pelajar yang dikehendaki maju mengikut kadar belajar mereka sendiri pada kadar

kemampuan mereka sendiri dengan kebebasan belajar dalam pelbagai cara. Hakikat ini yang perlu dicerminkan dan dijelmakan sebaik mungkin agar jurang kelemahan dapat diperbaiki dengan cadangan-cadangan munasabah.

Perlu disedarkan bahawa terdapat pelbagai bentuk aplikasi yang boleh disepadankan dan disesuaikan dengan pelbagai premis yang memungkinkan pengajaran dan pembelajaran bestari berlaku. Pelbagai adunan dan gabungan premis yang mantap dan sesuai pula dengan proses, mod dan tugas memerlukan mekanisme pengawalan yang juga bestari bagi menyokong kejayaan tunjang pengajaran dan pembelajaran. Dalam pada itu syarat-syarat bagi membolehkan pengaplikasian teori pelbagai kecerdasan turut dianalisis bagi memastikan bukan sahaja kekuatan dan kelemahan, tetapi juga cadangan yang memungkinkan pembaikan dokumen bagi merealisasikan aplikasi berkaitan dalam Sekolah Bestari Malaysia.

#### **D. Cadangan Kajian Lanjutan**

Hasil daripada kajian ini, pengkaji mencadangkan beberapa kajian yang boleh dijalankan pada masa akan datang, iaitu :

1. Aplikasi Teori Pelbagai Kecerdasan Dalam Buku Teks Mata Pelajaran KBSM . Kajian cadangan ini bertujuan untuk melihat sejauhmanakah huraian isi kandungan buku teks tersebut mengandungi mekanisme teori pelbagai

kecerdasan yang boleh mencetuskan perubahan sistemik dalam menjalani kehidupan sebenar.

2. Kesan Pengajaran Guru Terhadap Penghayatan Pelajar Dalam Mengaplikasikan Teori Pelbagai Kecerdasan. Kajian ini akan meninjau bagaimakah kesan pengajaran guru di dalam kelas terhadap penghayatan pelajar dalam mengaplikasikan teori pelbagai kecerdasan.
3. Format Persediaan Dan Pengajaran Guru Menggunakan Teori Pelbagai Kecerdasan Terhadap Cara Pelajar Bersantun Bahasa. Kajian ini akan melihat bagaimana persediaan dan pengajaran guru dengan menggunakan kaedah berdasarkan teori pelbagai kecerdasan dan kesannya terhadap cara pelajar bersantun bahasa.